

## **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN JENAZAH SELAIN ISLAM SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

### Merangkumi

- Pengurusan jenazah selain Islam semasa tempoh PKP/PKPD di rumah kediaman/ rumah ibadat/ tanah perkuburan/ krematorium.

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan dalam SOP Am PKP.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL : PENGURUSAN JENAZAH SELAIN ISLAM DI RUMAH KEDIAMAN

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengurusan Persiapan Jenazah	a) <b>Urusan persiapan jenazah diuruskan TIDAK LEBIH</b> daripada <b>5 orang sahaja</b> (pemandian / pembersihan / pemakaian).
Pengurusan Kematian dan Penghormatan Terakhir	<p>a) Kehadiran ahli keluarga di rumah kediaman hendaklah <b>tidak melebihi 10 orang</b> tertakluk kepada keluasan ruang rumah.</p> <p>b) Semua ahli keluarga wajib memakai pelitup muka, membersihkan tangan dengan cecair pembasmi kuman, menjaga penjarakan fizikal lebih daripada satu meter, tidak digalakkan bersalaman dan bersentuhan. Ahli keluarga yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p> <p>c) Ahli keluarga yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak dan selsema tidak dibenarkan hadir.</p> <p>d) Tuan rumah hendaklah memastikan semua ahli keluarga faham dan patuh kepada garis panduan yang disediakan.</p>

### Merangkumi

- Pengurusan jenazah selain Islam semasa tempoh PKP/PKPD di rumah kediaman/ rumah ibadat/ tanah perkuburan/ krematorium.

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan dalam SOP Am PKP.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL : PENGURUSAN JENAZAH SELAIN ISLAM DI RUMAH KEDIAMAN

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengurusan Kematian dan Penghormatan Terakhir	<p>e) Tuan rumah hendaklah kerap melakukan proses pembersihan dan nyah kuman ke atas permukaan yang kerap disentuh dan kawasan sekitarnya.</p> <p>f) Pemasangan khemah tambahan di perkarangan rumah kediaman adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> <p>g) Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat dan perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima tanpa upacara perarakan beramai-ramai.</p> <p>h) Jenazah di bawa ke tempat pembakaran mayat / krematorium atau tanah perkuburan untuk pengebumian dengan diiringi ahli keluarga terdekat <b>tidak melebihi 10 orang</b> dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima.</p> <p>i) Ahli keluarga segera bersurai selepas selesai upacara pembakaran mayat atau pengebumian.</p>

**AKTIVITI DAN PROTOKOL : PIHAK PENGURUSAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM - PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT**

**Merangkumi**

- Pengurusan jenazah selain Islam semasa tempoh PKP/PKPD di rumah kediaman/ rumah ibadat/ tanah perkuburan/ krematorium.

**Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan dalam SOP Am PKP.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengurusan Persiapan Jenazah	a) <b>Urusan persiapan jenazah diuruskan TIDAK LEBIH daripada 5 orang</b> sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian).
Penghormatan Terakhir di Rumah Ibadat	a) Bilangan kehadiran ahli keluarga <b>tidak melebihi 12 orang</b> termasuk Ahli Jawatankuasa Rumah Ibadat. b) Pihak Pengurusan Rumah Ibadat hendaklah menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan kehadiran ahli keluarga menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran. c) Pihak Pengurusan Rumah Ibadat hendaklah memastikan ahli keluarga memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal lebih daripada 1meter. Ahli keluarga yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir. d) Pihak Pengurusan Rumah Ibadat hendaklah memastikan ahli keluarga yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak dan selesema tidak dibenarkan hadir. e) Pihak Pengurusan Rumah Ibadat hendaklah kerap melakukan proses pembersihan dan nyah kuman ke atas permukaan yang kerap disentuh dan kawasan sekitarnya.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL : PIHAK PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN / KREMATORIUM - UPACARA PENGEBUMIAN DI TANAH PERKUBURAN / KREMATORIUM**

**Merangkumi**

- Pengurusan jenazah selain Islam semasa tempoh PKP/PKPD di rumah kediaman/ rumah ibadat/ tanah perkuburan/ krematorium.

**Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan dalam SOP Am PKP.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengurusan Persiapan Jenazah	a) <b>Urusan persiapan jenazah diuruskan TIDAK LEBIH</b> daripada 5 orang sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian).
Upacara Pengubumian di Tanah-tanah Perkuburan / Krematorium	<p>a) Bilangan kehadiran ahli keluarga <b>tidak melebihi 10 orang</b> dan tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan/ Krematorium.</p> <p>b) Pihak pengurusan krematorium hendaklah menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan dan menggunakan <i>hand sanitizer</i>. Ahli keluarga yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak dan selsema tidak dibenarkan hadir.</p> <p>c) Penggunaan aplikasi MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi tanah perkuburan/ krematorium yang tidak mempunyai capaian internet. Pihak pengurusan tanah perkuburan/ krematorium hendaklah memastikan kehadiran penganut di rumah ibadat menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon di dalam buku kehadiran.</p> <p>d) Pihak pengurusan tanah perkuburan / krematorium hendaklah memastikan ahli keluarga memakai pelitup muka.</p> <p>e) Ahli keluarga yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p> <p>f) Pihak Pengurusan Krematorium hendaklah kerap melakukan proses pembersihan dan nyah kuman di kawasan sekitar.</p> <p>g) Jenazah di bawa ke tempat pembakaran mayat/krematorium atau tanah perkuburan untuk pengebumian dengan diiringi ahli keluarga terdekat <b>tidak melebihi 10 orang</b> dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima.</p>

### Merangkumi

- Pengurusan jenazah selain Islam semasa tempoh PKP/PKPD di rumah kediaman/ rumah ibadat/ tanah perkuburan/ krematorium.

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan dalam SOP Am PKP.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 225/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Negeri
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL: UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
Upacara Melepaskan Abu Mayat	<p>a) Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga terdekat <b>tidak melebihi 5 orang</b>.</p> <p>b) Upacara Melepaskan Abu Mayat diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat dan perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima tanpa upacara perarakan beramai-ramai.</p>